

SIAPA DIA ULAMA?

ULASAN “PAHLAWAN” ISLAM

(oleh Ibnu Batuttah)

Di dalam rencana yang telah lalu dijelaskan bahawa kejatuhan orang-orang Islam kita ialah disebabkan salah pemimpin dari alim-ulama kita yang kebanyakannya hanya mementingkan ilmu “fiqh” sehingga mereka telah mengarangkan di dalam ilmu yang tersebut berjuta-juta kitab banyaknya dengan membelakangkan ilmu-ilmu yang lain, iaitu ilmu-ilmu yang menjadi “fardhu kifayah” pada menuntut atau menyebarkannya.

Pada menebus kesalahan-kesalahan alim-ulama kita yang telah lalu dan pada merebut semula kebesaran sejarah kita yang cemerlang itu iaitu supaya kita menjadi satu umat yang setanding dengan umat-umat penduduk dunia yang telah maju, maka sudah pasti berkehendakan suatu revolusi agama yang besar terhadap cara memberi pelajaran di dalam sekolah-sekolah agama dari serendah-rendahnya hingga ke setinggi-tingginya – cara kolot yang sedang berjalan pada masa ini hendaklah dileburkan dan tuang di dalam acuan yang baharu.

Menyebut revolusi agama atau “perubahan” yang pasti didatangkan kepada dunia pelajaran Islam menurut kupasan “Al-Syeikh Tantawi Johari” seorang ahli falsafah dan pentafsir Quran yang terkemuka di dalam kurun kedua puluh ini akan dijelaskan nanti.

Tetapi sekarang saya dengan gemarnya menyajikan kupasan seorang jaguh Islam yang tidak asing lagi iaitu Tuan “Muhamad Farid Wajdi” sebagai Ketua Pengarang “Majalah Al-Azhar” sebuah majalah rasmi dari sekolah tinggi Al-Azhar yang menjadi gedung perbendaharaan Islam itu.

Di dalam bukunya yang bertajuk “Islam Din Am Khalid” (Islam agama Sejagat yang kekal Abadi) Tuan itu telah

memaparkan pendapatnya dengan mendatangkan dua soal :

Bagaimana Islam boleh balik semula kepada kebesarannya?

Dan bilakah seruannya itu boleh menjadi perhatian yang istimewa?

Pada menjawab dua soal yang telah dibentangkan di atas tadi maka Tuan Farid Wajdi telah menulis:

Islam telah dibentuk oleh Allah Subhanahu Wata’ala supaya menjadi agama penduduk seluruh dunia, dan telah dilengkapinya dengan ajaran-ajarannya yang menjadi Pembina “Islah Umum” iaitu suatu pembinaan yang lebih jauh daripada apa yang pernah direka oleh akal manusia, dan yang akan kelihatan sifat-sifat kesempurnaan (Al-Kamal) terang nyata di dalamnya, yang tentu sahaja tujuan itulah seluruh manusia mara hendak mencapainya.

Adakah kiranya falsafah-falsafah zaman sekarang sanggup menindas tanda-tanda Islah yang terpenting ini dan sanggup menghilangkan bekas-bekasnya, supaya manusia menjadi tidak beragama seperti apa yang dikehendaki oleh kaum Mulhidin (yang tidak bertuhan), walaupun mereka bersungguh-sungguh mencuba hendak mempengaruhi kita supaya berpuas hati dengan fahaman-fahaman sesat Barat yang tersebut?

Apabila Islam itulah yang menjadi pembentuk “Islah Umum” iaitu suatu tujuan tinggi yang menjadi tumpuan akal fikiran manusia menurut susunan tabii, maka bagaimana dia boleh merebut kebesarannya yang telah lalu, dan bilakah seruannya itu boleh menjadi perhatian yang istimewa di dunia ini, dan dengan apa jalannya supaya pemeluk-pemeluk balik kepadanya setelah mereka jatuh ke jurang yang dalam?

Islam telah sedia membentuk beberapa kaedah besar yang

dengannya ia telah sesuai menjadi agama sedunia, dan telah dihiasinya pula dengan segala usul-usul yang akan membawa pemeluk-pemeluknya kepada mencapai kesempurnaan yang dicita-cita itu.

Islam ialah agama yang terdiri di atas dasar-dasar kemanusiaan umum, dan asal pembinaan (Imran) yang kekal abadi bukan di atas dasar-dasar kebendaan, dan tidak pula di atas muslihat-muslihat tempatan yang hanya mengenai sesuatu bangsa atau suatu zaman yang tertentu.

Sekiranya Islam telah terdiri di atas suatu peristiwa tawarikh, atau terbina di atas khayal kebangsaan, atau waham-waham tempatan, ataupun hanya berupa seruan kepada akhlak dan kebudayaan semata-mata, nescaya kita akan menaruh segan silu daripada menzahirkan fikiran kita pada kurun yang kedua puluh ini, dan nescaya kita akan mensifatkan diri kita daripada penyeru-penyeru yang berfahaman kolot, tetapi Islam pada zatnya adalah suatu seruan tabii (menurut pembawaan tabii manusia yang semula jadi) iaitu melucut diri seseorang daripada segala kepercayaan dan adat lama yang telah dipusakai turun menurun, dan menjelaskan kepadanya (manusia) akan segala hakikat kebenaran dengan terang nyata. Juga Islam menggalakkan kepada persaudaraan di antara seluruh manusia serta mengajak mereka kembali kepada agama yang satu iaitu agama manusia yang asal (yakni Islam).

Jangan berputus asa, kalau kemerdekaan akan mendapat faedah daripada orang yang bekerja kerananya dan orang yang bekerja menentangnya maka begitulah kebenaran akan terserlah nyata melalui orang yang bekerja kerananya dan orang yang bekerja menentangnya! Tamadun Barat dan segala jenis ilmu pengetahuannya yang sentiasa meruntun manusia di dalam gelombangnya, dia juga (tamadun Barat itu) dengan tidak sengaja bekerja menzahirkan

kebesaran Islam dan meninggikan kedudukannya. Kerana Islam adalah kebenaran, dan penduduk alam dunia ini akan menurutnya baik dengan secara sukarela mahupun secara terpaksa setelah mereka tiba ke garisan yang telah diguris oleh Islam, dan mereka akan berpandu dan menurut jejak langkahnya.

Pada suatu masa nanti bukan sahaja umat Islam yang telah berpaling tadah dan yang telah memutuskan segala perhubungan mereka dengan Islam itu akan balik semula kepadanya, tetapi dengan tidak ada suka lagi bahawa seluruh penduudk alam ini akan berkesudahan kepadanya, bukannya kerana tertarik mencari agama yang akan mereka memeluknya tetapi pada ketika mereka telah mengetahui bahawa segala islah yang telah dapat dihasilkan oleh ahli-ahli ilmu pengetahuan, dan segala keputusan-keputusan yang telah dihasilkan oleh jaguh-jaguh falsafah, telah sedia dibentuk oleh Islam dan telah menyeru kepadanya dengan nas-nas yang terang benderang. Dengan itu maka seluruh manusia akan melihat diri mereka telah terletak di dalam Islam, walaupun mereka tidak bekerja untuknya, kerana agama yang suci itu ialah celupan Allah yang tidak luntur dan bentukannya yang semula jadi yang tidak akan bertukar



Apabila Al-Ulama Syeikh Abul Majid Salam (yang berdiri di tengah) dilantik menjadi Syeikh Al-Islam dan Syeikh Al-Azhar maka orang-orang besar dan ulama-ulama datang ziarah kepadanya bagi memberi tahniah atas lantikan itu.

ganti maka pada ketika itu mereka akan berkata sebagaimana yang telah diucapkan oleh “Geothe” ahli falsafah Jerman yang besar itu: “Apabila Islam beginilah kandungannya, maka kita telah pun sedia berada di dalamnya.”

Perkataan “Geothe” ini akan menjadi cogan kepada seluruh penduduk alam pada ketika kebenaran telah terserlah nyata.

Tuhan semesta alam telah pun menjelaskan soal ini dengan firmanNya : *sa nurihim ayatina fi al-afaq wafi anfusihim hatta yatabayyana lahum annahu al-haq awalam yakfi bi rabbika annahu ‘ala kulli shay’ shahid’*

Maksudnya: “Kami akan tunjukkan segala tanda-tanda kami pada segala ufuk (ufuq) dan di dalam diri mereka itu sendiri, sehingga jelas nyata bagi mereka bahawa itulah dia kebenaran, tidakkah memadai dengan Tuhanmu (ya Muhammad) bahawa Tuhanmu itu atas tiap-tiap sesuatu umat menyaksikan?”

Tidaklah ini jalan yang sesuai menjadi amalan yang tidak akan menghampakan pada mengembalikan kebesaran Islam, dan menjadi seruannya seruan yang tertinggi di dunia?

Kenanglah firmanNya: *‘afaghayra dinillah yabghun wa lahu ‘aslama man fi al-samawat wa al-ard tauan wa ‘ilayhi turjaun.’*

Madmunnya: “Adakah lain daripada agama Allah yang mereka kehendaki pada hal segala penduduk tujuh petala langit dan bumi telah tunduk menjunjung perintahnya, baik dengan secara sukahati mahupun dengan cara terpaksa, dan kepada-Nyalah mereka itu akan kembali.”

Sekianlah pendapat Tuan Muhamad Farid Wajdi Baka, tetapi ini hanya berupa mengupas apa itu Islam, dan lambat bangat seluruh penduduk alam akan mendapat kata pemutus bahawa Islamlah agama kebenaran dan kerana itu mereka dengan segala senang hati akan berpandu kepadanya.

Tetapi pada pendapat kita pula bahawa jalan yang tegas pada mengembalikan ummat Islam kepada kebesarannya yang telah lalu ialah cara pelajaran agama yang sedang berlaku sekarang

hendaklah dileburkan dan dituang di dalam acuan yang baharu.

Acuan inilah yang semestinya alim ulama dan segala cerdik pandai yang cintakan Islam tampil ke hadapan membentuknya.

Umpamanya di Malaya pada masa ini segala cerdik pandai telah bergerak hendak membaiki dan meninggikan taraf pelajaran di sekolah-sekolah Melayu, maka Jabatan Agama dan Alim Ulama pula sudah tiba masanya mengorak langkah dan bekerja keras untuk kemajuan Islam dan membaiki susunan pelajarannya di sekolah-sekolah agama dan lebih utama pelajaran agama Islam yang tersebut menjadi pelajaran rasmi di dalam sekolah-sekolah Melayu.

Kolej Islam atau universiti Islam yang akan diadakan itu kalau hanya bertujuan mengeluarkan Alim Ulama yang layak menjadi Mufti, Kadi, dan sebagainya maka sudah tentu tidak ada ertinya, - cerita lama juga !

Pelajaran agama dan dunia tidak boleh dipisahkan jika sungguh berkehendakan Islam mencapai kemajuannya semula. Kalau pelajaran agama “Fardhu” maka pelajaran dunia ialah “Fardhu Kifayah” menuntutnya, dan berdosalah penduduk tiap-tiap negeri yang mencuaikan tanggungannya terhadap pelajaran-pelajaran Fardhu Kifayah yang tersebut ini.

Perpisahan inilah yang telah menyebabkan kejatuhan Islam pada peringkat yang akhir ini, pada hal Islam telah mendidik umatnya supaya merebut segala ilmu pengetahuan dengan tidak ada perbezaan di antara sejenis ilmu dengan ilmu yang lain. Kerana sudah maklum bahawa segala jenis ilmu pengetahuan yang membawa kepada kemajuan hati yang terbitnya daripada dunia Barat pada hari ini adalah semuanya disuruh oleh Islam menuntutnya, kerana Islamlah yang telah menanam benihnya pada zamannya yang cemerlang dahulu.

Tidaklah Islam yang bertujuan membaiki kehidupan dunia akhirat? (Majalah Qalam yang akan datang akan menyajikan kupasan Jaguh Falsafah Islam yang terbesar – as-Syeikh Tantawi Johari).